

# Sg. Kahang 'beri' rezeki pasca banjir

UM 07/02/24 m/s 32



**UJANG Siron menunjukkan udang galah yang berjaya diperoleh ketika memancing di Sungai Kahang, Kluang, Johor.**

**KLUANG:** Sungai Kahang, dekat sini memang menjadi tumpuan ramai pemancing, khususnya pemburu udang galah.

Bagaimanapun, kejadian banjir baru-baru ini seolah-olah memberi hikmah di belakang bencana itu apabila mereka memperoleh hasil tangkapan lumayan.

Sebelum ini, kaki pancing tidak dapat turun memancing akibat keadaan air sungai terlalu dalam sehingga melimpahi tebing akibat banjir dan memaksa mereka menunggu sehingga lebih sebulan untuk kembali melepas hobi berkenaan.

Ahmad Tahir Mohd. Desa, 57, yang turun memancing bersama isterinya, Maziatun Idris, 53, pada Ahad lalu memang menjangkakan memperoleh hasil lumayan selepas berjaya membawa pulang sebanyak 16.5 kilogram udang galah bagi tempoh dua hari.

Bagi tangkapan sebanyak itu, mereka mampu memperoleh

hasil jualan kira-kira RM1,000 berdasarkan harga semasa antara RM70 hingga RM80 sekilogram.

“Alhamdulillah, walaupun selepas kira-kira dua bulan tidak turun memancing akibat banjir yang menyebabkan air sungai melimpahi tebing, namun pulangnya selepas itu memang berbaloi,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Seorang lagi pemancing, Ujang Siron, 52, mengakui memang menunggu masa seperti itu untuk turun memancing kerana sudah menjangkakan mampu memperoleh tangkapan yang banyak.

Walaupun hanya tujuh jam memancing, setiap pemancing mampu mendapat hasil sekurang-kurangnya tiga hingga empat kilogram.

“Saya jangkakan Sungai Kahang dipenuhi pemancing pada cuti Tahun Baharu Cina kerana banyak pengusaha bot sewa sudah habis ditempah,” katanya.